

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2020

KERATAN AKHBAR



# Sungai dicemari minyak hitam

Jutaan penduduk Lembah Klang nyaris terputus bekalan air.

PIHAK berkuasa memeriksa pencemaran sisa minyak hitam yang dikesan di alur sungai di Jalan KB1/9, Kampung Baru Balakong, Seri Kembangan dekat Kajang kelmarin.

JUTAAN penduduk Lembah Klang nyaris sekali lagi terputus bekalan air apabila alur sungai di Jalan KB1/9, Kampung Baru Balakong, Seri Kembangan dekat Kajang, Selangor dicemari sisa minyak hitam enjin yang dipercayai dibuang pihak penjenayah alam sekitar.

Namun, tindakan pantas Lembaga Urus Air Selangor berjaya menghalang sisa minyak hitam itu daripada mengalir ke Sungai Balak dan seterusnya ke Sungai Langat yang menjadi sumber air mentah Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2, LRA Labohan Dagang dan LRA Bukit Tampoi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, pencemaran yang dikesan berlaku di alur sungai itu kelmarin disyaki mempunyai unsur sabotaj.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

Pihak tidak bertanggungjawab buang sisa minyak hitam ke dalam sungai

## Bekalan air nyaris terputus lagi

Oleh AHMAD SHAHERMAN  
SHAMSURI dan NOR AZIHAN  
MD. GHAZALI

**KAJANG** - Jutaan penduduk Lembah Klang sekali lagi nyaris terputus bekalan air apabila berlaku pencemaran sisa minyak hitam di alur sungai di Jalan KB1/9, Kampung Baru Balakong, Seri Kembangan dekat sini kelmarin.

Bagaimanapun, tindakan pantas Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berjaya menghalang sisa minyak hitam itu daripada mengalir terus ke Sungai Balak dan seterusnya ke Sungai Langat yang menjadi sumber air mentah Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2, LRA Labohan Dagang dan LRA Bukit Tampoi.

Loji itu membekalkan air bersih kepada pengguna di sekitar Lembah Klang.

LUAS dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya menerima aduan pencemaran sisa minyak hitam itu daripada orang awam kira-kira pukul 6 petang.

"Hasil siasatan pihak kami mendapati, bahan pencemaran tersebut adalah sisa minyak enjin terpakai yang dibuang ke dalam alur sungai itu.

"Aliran air sungai ini akan memasuki Sungai Balak dan seterusnya Sungai Langat. LUAS telah membuat pensampelan dan sedang mengambil tindakan kawalan di lokasi kejadian," katanya dalam akaun Facebook semalam.

Kenyataan itu memberitahu, LUAS juga telah meletakkan oil



**PENCEMARAN** sisa minyak hitam dikesan di alur sungai di Jalan KB1/9 Kampung Baru Balakong, Seri Kembangan dekat Kajang kelmarin.

pad dan oil boom di lokasi tersebut bagi menghalang sisa minyak hitam memasuki Sungai Balak.

Katanya, siasatan lanjut mendapati, lokasi pembuangan sisa minyak hitam tersebut adalah kawasan air bertakung.

"Pembuangan haram ini disyaki dilakukan oleh pihak ketiga. Pemantauan berterusan oleh pihak LUAS bersama agensi berkaitan sedang dijalankan termasuk mengesan pencemaran

jika berlaku di Sungai Balak dan Sungai Langat," ujarnya.

Di Shah Alam, polis percaya wujud unsur-unsur sabotaj berhubung kejadian pencemaran sisa minyak hitam di lokasi kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat berkata, pihaknya telah menerima laporan daripada seorang pegawai Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS) berhubung insiden itu.

Menurutnya, pemeriksaan JAS mendapati, sisa minyak hitam dikesan berada di permukaan alur air yang dipercayai dari kawasan perumahan berdekatan ke sungai tersebut.

"Berdasarkan laporan yang diterima, perbuatan tersebut mempunyai unsur-unsur sabotaj.

"Jabatan Siasatan Jenayah Kontinjen Selangor telah ke lokasi kejadian bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Lem-

### Krisis air Selangor

- 3 September 2020: Lebih 5 juta penduduk Lembah Klang terputus bekalan air selepas berlaku pencemaran bau di Sungai Gong, Rawang yang dipercayai berpunca daripada sebuah kilang membaki jentera berat
- 4 Oktober 2020: 309,605 akaun pengguna di 273 kawasan di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang berdepan gangguan bekalan air susulan pencemaran air mentah di Sungai Semenyih
- 16 Oktober 2020: Sebanyak 59 kawasan di Wilayah Klang, Shah Alam dan Kuala Langat mengalami gangguan bekalan air susulan insiden paip pecah akibat kerja tambahan di kawasan pembinaan berhampiran Seksyen U1, Shah Alam
- 19 Oktober 2020: Lebih 5 juta penduduk Lembah Klang sekali lagi terputus bekalan air apabila empat Loji Rawatan Air Sungai Selangor menghentikan operasi ekoran pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor dipercayai berpunca dari kilang haram

baga Urus Air Selangor dan Indat Water Konsortium.

"Beberapa sampel minyak bercampur air telah diambil untuk diuji kandungannya bagi tujuan siasatan dan pendakwaan," katanya.

Kes berkenaan kini sedang disiasat mengikut Seksyen 43C Kanun Keseksaan kerana mencemarkan tali air atau sungai.

## Reman lapan suspek disambung

**SELAYANG** - Reman dua beranak termasuk seorang pengarah syarikat membaiki dan menjual jentera pembinaan serta enam pekerja mereka yang disyaki terlibat dalam kejadian pencemaran sumber air di Sungai Selangor dua minggu lalu dilanjutkan enam hari lagi.

Perintah lanjutan reman yang bermula hari ini sehingga 3 November itu dikeluarkan oleh Majistret Nik Mohd. Fadli Nik Azlan ke atas kesemua suspek berusia antara 28 hingga 66 tahun.

Pada 22 Oktober lalu, kesemua suspek direman selama tujuh hari selepas ditangkap polis di



**KERATAN Kosmo!** muka depan 20 Oktober lalu.

Rawang bagi membantu siasatan kes pencemaran sungai yang mengakibatkan gangguan bekalan air kepada lebih 5 juta pen-

diduk Lembah Klang pada 19 Oktober lalu.

Gangguan bekalan itu berikutan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Rantau Panjang dan LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 di Kuala Selangor selepas sumber air di Sungai Selangor tercemar.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Datuk Fadzil Ahmat dilaporkan berkata, siasatan awal pihaknya mendapati, pencemaran bau yang dikesan di alur Sungai Gong, Rawang itu dipercayai bermula daripada premis syarikat terba-



**DUA beranak dan enam pekerja mereka disambung reman enam hari lagi di Mahkamah Majistret Selayang semalam.**

### UNIT KORPORAT

TINGKAT 13, BANGUNAN DARUL EHSAN,  
NO.3, JALAN INDAH, SEKSYEN 14, 40000 SHAH ALAM  
TELEFON:03-55111800 / FAX:03-55101800